

Pemotong rumput didakwa tipu khidmat bomoh



MOHAMAD AIZAT (dua dari kiri) dibawa untuk didakwa atas pertuduhan menipu di Mahkamah Majistret Seremban semalam.

SEREMBAN – Seorang pemotong rumput didakwa di Mahkamah Majistret di sini semalam atas empat tuduhan menipu wanita dengan menawarkan perkhidmatan perubatan tradisional tidak wujud sehingga mengakibatkan kerugian hampir RM96,000.

Tertuduh, Mohamad Aizat Ahmad, 24, mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Majistret Mohd. Firdaus Salleh dan Norzaliza Tesmin.

Mengikut pertuduhan pertama, lelaki itu didakwa menipu wanita berusia 42 tahun dalam urusan mendapatkan perkhidmatan tradisional (bomoh) yang

tidak wujud dengan menyatakan boleh menyembuhkan penyakit misteri yang dihidapi mangsa.

Perbuatan itu mendorong mangsa menyerahkan rantai, gelang tangan, cincin dan wang tunai RM4,000.

Bagi tiga pertuduhan lain, tertuduh didakwa memperdayakan mangsa sama dengan memin-dahkan wang tunai berjumlah RM80,550 melalui tiga akaun bank di Senawang pada pukul 6 petang, 19 Mac lalu.

Tertuduh didakwa di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksan yang membawa hukuman penjara maksimum 10 tahun dan se-

batan serta denda.

Terdahulu, pihak pendakwaan menawarkan ikat jamin RM40,000 bagi kesemua pertuduhan, namun peguam yang mewakili tertuduh memohon jaminan dikurangkan atas alasan anak guamnya sudah berkahwin dan menanggung dua adik.

“Tertuduh sudah berkahwin tetapi dalam proses penceraian. Dia perlu tanggung adik yang bersekolah dan seorang lagi orang kelainan upaya (OKU),” katanya.

Mahkamah membenarkan tertuduh dijamin RM16,000 bagi kesemua pertuduhan. Sebutan semula kes pada 10 Ogos ini.